



PROJEK TERNAKAN UDANG DI PITAS, SABAH SEBAGAI PEMACU INDUSTRI AKUAKULTUR NEGARA

1. Bermula Rancangan Malaysia Ke-10, pihak Kerajaan telah memperkenalkan **Program Pemacu Pertanian** yang diterajui oleh sektor swasta dan disokong oleh pihak Kerajaan khususnya bagi memesatkan lagi pembangunan industri pertanian dan memberi impak yang tinggi kepada negara.
2. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah memberi tumpuan kepada sektor Akuakultur termasuk **ternakan udang marin** yang berpotensi menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan memberi impak kepada *Gross National Income* (GNI) dan peluang pekerjaan.
3. Industri ternakan udang marin di Malaysia melibatkan kira-kira **700** orang penternak udang, **43** buah hatcheri pembenihan udang dan 15 buah kilang pemprosesan. Produk tersebut menyumbang kira-kira **RM1.1 bilion** setahun atau **35%** daripada jumlah eksport perikanan. Selain daripada memenuhi keperluan kilang pemprosesan, ladang ternakan udang memasarkan hasil ternakan ke pasar basah melalui pemborong. Dianggar sebanyak **45,000 tan metrik udang** daripada akuakultur memasuki pasaran basah domestik setiap tahun.
4. **Syarikat Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.** merupakan syarikat peneraju yang dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia pada 11 September 2012 adalah berkonsepkan '**private driven**' melibatkan kerjasama antara kerajaan dan swasta.
5. Projek ternakan udang dalam kolam di kawasan seluas 2,200 ha di Pitas, Sabah ini dilihat dapat menjana peningkatan sosioekonomi rakyat selain mampu menyumbang kepada pengeluaran udang negara. Selain dapat memajukan sektor penternakan udang, projek ini juga akan menjana transformasi ekonomi khususnya di daerah Pitas dan seterusnya dapat membantu rakyat berpendapatan rendah keluar daripada belunggu kemiskinan.

6. Dalam projek ini, Pihak Kerajaan telah bertindak sebagai **pemudahcara dan fasilitator** melalui pembiayaan insentif kemudahan infrastruktur asas projek yang melibatkan kolam ternakan dan kemudahan lain seperti hatcheri, kilang pemprosesan, pusat latihan dan R&D.
7. Tujuan projek ini adalah sebagai sumber pertumbuhan utama untuk menggalakkan penternakan udang dalam kolam berskala besar dengan integrasi dari peringkat pembenihan sehingga pemprosesan serta perluasan potensi **pasaran tempatan dan juga eksport**.
8. Projek ini juga telah memberi manfaat secara tidak langsung kepada penduduk di Pitas, Sabah dengan adanya pembangunan kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan elektrik, air dan juga peluang pekerjaan.
9. Pembangunan projek telah mendapat sokongan Yayasan Sabah dan **Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA)**. Syarikat juga telah memperolehi **Kelulusan Laporan Penilaian Impak Kesan Alam Sekitar (EIA)** bagi *Development of Integrated Aquaculture Park at Sungai Telaga, Pitas District, Sabah* pada 19 Disember 2014 dan 20 Februari 2017.
10. Kemajuan semasa fizikal projek adalah sebanyak **91% dengan seramai 415 orang pekerja**. Syarikat telah mampu menghasilkan sebanyak **17,005 tan metrik udang bernilai RM395.9 juta** sejak 5 tahun yang lalu (2014 – 2019). Syarikat juga telah memulakan kerjasama eksport udang ke Korea bermula pada tahun 2019.
11. Dijangkakan projek mampu menyumbang sebanyak 20,000 tan metrik dan mewujudkan 3,600 peluang pekerjaan setelah kesemua kemudahan seperti hatcheri pengeluaran benih, kolam ternakan, kilang pemprosesan, pusat latihan dan R&D siap dan beroperasi sepenuhnya.
12. Jabatan Perikanan turut mengeluarkan garis panduan (SOP) bagi Amalan Baik Ternakan Udang Marin dan pensijilan myGAP bagi menghasilkan ternakan akuakultur yang selamat dan dapat bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa.
13. Syarikat Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd ini juga pensijilan myGAP bagi blok-blok kolam yang mempunyai pengeluaran udang dan sedang berusaha untuk memastikan keseluruhan kolam mempunyai Sijil Amalan Akuakultur Baik (myGAP).

14. Projek ini mempunyai potensi yang baik untuk diteruskan selaras dengan halatuju kerajaan untuk merencanakan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan eksport pertanian.

#####

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Tel : 012- 356 9344 (Yazeereen)

: 012- 664 9570 (Nur Aqilah)

Emel : pro@dof.gov.my / ukk@dof.gov.my

13 Julai 2019 (Sabtu)